



Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik (UPKTE)
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia

POLISI PEMBANGUNAN LESTARI JKR MALAYSIA

Pembangunan Lestari: Pembangunan yang dijalankan secara terancang supaya tidak menjejaskan alam semulajadi, menambahkan kesejahteraan sosial & meningkatkan taraf ekonomi penduduk

**We CaRe.....We ShArE...
For Better Tomorrow
Let's Do It!!!**

Apa Tanggungjawab Warga CKE?

1. Memastikan Indeks Tenaga Bangunan (BEI) bagi bangunan baru tidak melebihi 140kWh/m²/tahun.
2. Sistem Pencahayaan Lampu Jalan perlu:
 - i. Mematuhi piawaian MS 825 (pindaan terkini) dan CIE 115 (pindaan terkini).
 - ii. Mematuhi Spesifikasi LS-20
3. Menggalakkan penggunaan sistem tenaga diperbaharui sebagai sumber tenaga sampingan kepada bangunan kerajaan dengan sekurang2nya 1% keseluruhan penggunaan tenaga tahunan dihasilkan daripada sistem tenaga diperbaharui.
4. Memastikan sistem tenaga diperbaharui sebagai sumber tenaga utama dalam rekabentuk sistem elektrik bagi bangunan/premis kerajaan yang berada di luar kawasan sistem grid 24 jam
5. Mematuhi 'Guideline On Indoor Environmental Quality (IEQ)' JKR
6. Menggalakkan penggunaan produk hijau dengan menggunakan Sistem Skor Hijau
7. Menggunakan bahan yang telah diiktiraf sebagai produk hijau oleh badan yang menganggotai Global Eco-Labeling Network (GEN)
8. Menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang terkini
9. Mengadakan program kelestarian mengikut peringkat kepada warga kerja JKR

"If any Muslim plants any plant and a human being or an animal eats of it, he will be rewarded as if he had given that much in charity." (Sahih Al-Bukhari, 8:41)



AKTIVITI UPKTE

AUDIT TENAGA

Pasukan Audit Tenaga yang terdiri dari wakil BSFB, CKE, CAST, CKM & CA telah menjalankan Audit Tenaga di 3 buah bangunan kerajaan pada tahun ini.

- Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Kompleks Kesihatan Bandar Botani, Klang
- JKR Worksyop, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Audit Tenaga Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan


- Telah dijalankan pada 17-21 Jun 2013
- Purata penggunaan tenaga elektrik dari Mei 2012 - April 2013 adalah 116,533.92 kWh & purata bil elektrik adalah RM 50,109.58.
- BEI bangunan : 195.48 kWh/m²/year

Audit Tenaga Kompleks Kesihatan Bandar Botani, Klang, Selangor

- Telah dijalankan pada 09-13 Sept. 2013
- Purata penggunaan tenaga elektrik dari Dis 2011 - Jun 2013 adalah 227,919.21 kWh & purata bil elektrik adalah RM 98,005.26
- BEI bangunan : 204.47 kWh/m²/year

Audit Tenaga JKR Worksyop, Wilayah Persekutuan K.L

- Telah dijalankan pada 28 -01 Nov. 2013
- Purata penggunaan tenaga elektrik dari Sept 2012 - Sept 2013 adalah 44,507.50 kWh & purata bil elektrik adalah RM 16,779.33
- BEI bangunan : 174.03 kWh/m²/year



Antara Penemuan Audit Tenaga

Bacaan lux level terlalu tinggi 881



Kedudukan lampu terlalu dekat

Masalah pendawaian lampu.



Lampu terpasang pada waktu malam walaupun tiada sta yg bertugas

Lampu high-bay dipasang pada waktu malam (Dicadangkan untuk ditutup sebahagian lampu)



Dua Lampu High-bay dinyala pada ketika pencahayaan semulajadi adalah mencukupi



Lampu terpasang pada waktu malam walaupun tiada staf yg bertugas




Tiada alternate switching bagi lampu koridor



Abu Huraira quoted Prophet Muhammad S.A.W was saying: "Removing a harmful thing from the way is also Sadaqah".

Ketahui Penggunaan Elektrik Anda di Rumah



Peratus Penggunaan Tenaga Elektrik di Rumah Mengikut Kategori di Malaysia

SUMBER: TNB-THE SUN 15 NOV 2013

TIPS JIMATKAN TENAGA

- 1 Gunakan penyaman udara yang cekap tenaga. Setkan timer untuk menutup penyaman udara secara automatik dan gunakan kipas bersama untuk menyejukkan ruang yang luas. Bersihkan penapis dengan kerap.
- 2 Gunakan peti sejuk yang cekap tenaga. Sentiasa periksa pelapik di pintu untuk memastikan tiada udara yang terkeluar. Setkan suhu pada 4-5 darjah celsius.
- 3 Gunakan pemanas air yang cekap tenaga.
- 4 Gunakan mentol lampu yang menggunakan 75% kurang tenaga dari mentol lampu yang biasa.
- 5 Tidak membuka pintu oven dengan kerap (ketika digunakan).
- 6 Seterika baju dalam jumlah yang banyak untuk kurangkan 'on' & 'off' seterika anda.
- 7 'Off'kan soket bagi peralatan yang tidak digunakan.
- 8 Gunakan mesin basuh yang cekap tenaga dan penuhkan muatan ketika membasuh.

